

18/03/1997

Kemenangan BN pilihan rakyat

KUANTAN, Isnin - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan kemenangan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Begunan, di Sarawak, semalam, sebagai 'pilihan rakyat' yang berlawanan dengan keputusan 'Mahkamah Tinggi' di Kuching.

Menurutnya, BN mendapat empat perlima daripada jumlah yang keluar mengundi dan ini adalah pilihan rakyat bukan saja terhadap pembangkang, tetapi juga berlawanan dengan keputusan itu.

Beliau turut menyatakan kebimbangan terhadap keputusan mahkamah membatalkan kemenangan BN di DUN itu dalam pilihan raya umum negeri tahun lalu.

"Contohnya, dalam pilihan raya, saya jadi calon, orang lain bagi duit kepada orang lain dan ada orang ambil gambar dan dengan itu, pemilihan saya dianggap tidak sah.

"Itu tidaklah adil," katanya mengulas kemenangan calon BN, Mong anak Dagang, dalam pilihan raya kecil itu.

Dr Mahathir berkata demikian selepas merasmikan Malaysia Electric Corporation Bhd (MEC) dan Bandar MEC, di Gambang, kira-kira 25 kilometer dari sini, hari ini.

Mong, 41, daripada Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) memperoleh 5,640 undi manakala lawannya, Jack anak Bujang, yang bertanding atas tiket Bebas hanya mendapat 1,025 undi. Sebanyak 102 undi rosak.

Undi majoriti BN bertambah sebanyak 2,450.

Perdana Menteri berkata, dalam keputusan itu, mahkamah menjelaskan Mong dan ejennya tidak terbabit dengan rasuah tetapi ada bukti duit bertukar tangan.

Ditanya sama ada undang-undang pilihan raya mengenai keputusan mahkamah tidak boleh dicabar, adil atau tidak, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak tahu. Kita mempunyai hakim dan berharap mereka memahaminya. Apa yang kita boleh buat jika mereka membuat keputusan tanpa asas yang kukuh?"

"Dia (Hakim di Mahkamah Tinggi Kuching) sendiri mengakui calon BN dan wakilnya tidak terbabit. Bagaimanapun, ada bukti yang wang bertukar tangan tetapi kita tidak dapat mengetahui sama ada daripada BN atau pembangkang.

"Oleh itu, hanya disebabkan orang lain menggunakan wang untuk orang lain, calon BN menjadi mangsa.

"Kalau begitu, bila ada pilihan raya lagi dan kita tidak suka seseorang calon yang kemungkinan besar dia akan menang, kita boleh mengedarkan wang dan ambil gambar. Gambar itu boleh digunakan sebagai bukti menunjukkan rasuah.

"Jika ini berlaku, kita akan hadapi masalah," katanya.

Ditanya apakah kerajaan akan mengambil tindakan melindungi calon pilihan raya supaya tidak dibebankan dengan keputusan mahkamah seumpama itu, beliau berkata:

"Saya tidak tahu bagaimana hendak buat. Calon itu kena bertanding semula dan kali ini, dia (Mong) menang dengan majoriti besar," katanya.

(END)